



DEKAD BAHASA KEBANGSAAN

“BAHASA PEMERSATU
BANGSA”



DR.HJ AMIR BIN HJ. JUHARI
dr_amirjuhari@ipgkda.edu.my
013-8162183

LAGU BAHASA JIWA BANGSA

- Lirik Lagu Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah Bahasa Kebangsaan Kita
Marilah Amalkan Ramai-ramai
Bahasalah Menyatukan Kita Semua
Yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa

Marilah Mari Rakyat Semua
Buktikan Taat Setia dengan Satu Bahasa
Maju Bangsa dan Maju Negara
Megahkan Bahasa Kita
Bahasa Jiwa Bangsa

Lagu/Lirik: Dol Ramli

Lirik lagu Negaraku

Negaraku

Tanah tumpahnya darahku,

Rakyat hidup

bersatu dan maju,

Rahmat bahagia

Tuhan kurniakan,

Raja kita

selamat bertakhta,

Rahmat bahagia

Tuhan kurniakan.

Raja kita

selamat bertakhta

APA ITU BAHASA?

- Bahasa itu dikatakan ‘lahir’, ‘tumbuh’, ‘berkembang’ dan ‘merosot’. Ada masanya bahasa itu ‘menguntum’ dan ‘berbunga’, ‘berkeluarga’ dan ‘berketurunan’, serta mempunyai kualiti moral dan fizikal, ia ‘cantik’, ‘buruk’, ‘kasar’, ‘rendah’ atau lapok.

- Pit Corder dalam *Introducing Applied Linguistik*

...

- “Bahasa ialah sistem yang menyatakan akal fikiran dan isi hati manusia juga bahasa sebagai alat perhubungan antara manusia dan harus berkembang selaras dengan perkembangan masyarakat pemakai bahasa itu. Dengan kata lain perkataan bahasa yang mendukung akal fikiran itu harus dapat mengejar dan mengatasi keperluan masyarakatnya”.

• Prof. Dr. Asmah Hj. Omar

RUMPUN/KELUARGA BAHASA

- Rumpun Austronesia terdiri daripada empat keluarga bahasa yang lebih kecil :
 - i. Nusantara : bahasa Melayu, Aceh, Jawa Sunda, Dayak, Tagalog, Solo, dll.
 - ii. Polinesia : Tonga, Hawaii, Maori dan Haiti.
 - iii. Melanisia : Kepulauan Fiji, Irian dan Kepulauan Kaledonia.
 - iv. Mikronesia : Kepulauan Mashall, Carolina, Marianna dan Gilbert.

SEJARAH BAHASA MELAYU

- Batu bersurat Kedukan Bukit, Palembang (683M) - Palava
- Batu bersurat Talang Ruwo, Palembang (684M) - Palava
- Batu bersurat di Kota kampur, Pulau Bangka (686M) - Palava
- Batu bersurat di Karang Brahi, Meringin, Hulu jambi (686M) - Palava
- Batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah (832M) - Nagiri

- Batu bersurat di pagar Ruyung, Minangkabau (1356M) - huruf India/Sanskrit
- Batu bersurat di Minye Tujuh, Aceh (1380M) - huruf India dan Arab
- Batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu (1303-1387) - tulisan Jawi

EVOLUSI TULISAN BAHASA MELAYU

- Kawi
- Palava
- Nagiri
- Jawi
- Rumi

Kegemilangan Bahasa Melayu

- Kesultanan Melayu Melaka :
 - i. Hukum Kanun Melaka
 - ii. Undang-undang Laut
 - iii. Hikayat Amir Hamzah, dll
 - iv. Sejarah Melayu
 - v. Hikayat Hang Tuah
- Kesultanan Melayu : Perak, Johor, Terengganu:
 - i. Undang-undang Perak
 - ii. Undang-undang Tubuh Johor

Zaman Penjajahan British

- Bahasa Inggeris bahasa pengantar utama
 - Di bandar, guru terlatih, buku dan kurikulum Inggeris
 - Peluang pekerjaan luas
- Sekolah Vernakular Melayu
 - Di luar bandar, guru tidak terlatih, tiada buku dan kurikulum
 - Sebagai petani dan nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka

Zaman Kemerdekaan

- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.
- Peruntukan Perkara 152 tidak boleh dipinda oleh Parlimen kerana kata putus terletak di tangan Majlis Raja-Raja. Rujuk Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

DEFINISI DASAR BAHASA

- Peraturan pemilihan bahasa dengan penggunaan dalam masyarakat untuk mewujudkan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran negara.

DASAR BAHASA KEBANGSAAN

- Dinyatakan dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan - “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu”
- Lambang identiti negara
- Wahana penyatuan warganegara
- Wahana komunikasi umum

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32)


- Memperuntukkan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa bagi maksud rasmi yang perlu digunakan dalam segala urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Awam.

MUDAHNYA BAHASA



BAHASA PEMERSATU BANGSA

MUDAHNYA BAHASA MELAYU



BAHASA PEMERSATU BANGSA

FUNGSI BAHASA

BAHASA PEMERSATU BANGSA

BAHASA KEBANGSAAN

- Bahasa kebangsaan ialah bahasa rasmi, bahasa pentadbiran dan bahasa pengantar utama sesebuah negara. Bahasa itu juga digunakan di media massa, pusat pengajian tinggi, pemerintahan, parlimen, majlis konvokesyen, upacara rasmi kerajaan dan lain-lain
- Bahasa kebangsaan menjadi kemegahan dan kebanggaan bagi sesebuah negara.

BAHASA RASMI

- Bahasa rasmi ialah bahasa yang digunakan untuk pentadbiran dan urusan-urusan rasmi dalam sesebuah negara.
- Contohnya untuk kegunaan dalam sebaran am (media massa), surat-surat rasmi kerajaan seperti borang permohonan, dokumen-dokumen peribadi seperti surat beranak, kad pengenalan, minit mesyuarat, laporan, urusan pos dan lain-lain.

Bahasa Melayu juga menjadi bahasa rasmi di negara lain.

- Bahasa Melayu kini menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia.
- BM juga menjadi bahasa rasmi di negara Brunei
- Bahasa Melayu satu daripada bahasa rasmi di Singapura (bahasa Inggeris, Cina, India dan Melayu)
- Di selatan Thailand pula, BM digunakan oleh masyarakat daripada Kesultanan Melayu Patani (orang Melayu Patani).

Bahasa Melayu Mempersatu Bangsa Indonesia

- "Indonesia memperkenalkan penggunaan bahasa Indonesia selepas Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928, dengan bahasa digunakan diberi nama bahasa Indonesia secara politik, ditukar namanya daripada bahasa Melayu kepada bahasa Indonesia.
- Hampir semua 278 juta rakyat negara itu boleh bertutur bahasa Indonesia walaupun Indonesia memiliki lebih 700 bahasa,"

BAHASA ILMU

- Bahasa yang digunakan di sekolah dan pusat pengajian tinggi merupakan bahasa Melayu

BAHASA PERPADUAN

- Bahasa Melayu merupakan bahasa perpaduan kerana digunakan oleh rakyat berbilang bangsa dan bahasa sebagai komunikasi. **Bahasa Melayu mempersatu rakyat Malaysia.**
- Selain tiga kaum utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India terdapat kira-kira 80 kaum etnik, terutamanya di **Malaysia Timur**

LINGUA FRANCA

Lingua Franca ialah bahasa yang terdapat dalam kawasan pertembungan bahasa yang intensif yang digunakan oleh penutur-penutur bahasa daripada pelbagai komuniti bahasa sebagai bahasa perantara sepunya dalam berkomunikasi (Hartmann dan Stork, 1976). Perkataan lingua bermaksud “language”

Franca bermaksud Frank, satu bangsa Eropah Barat pada suatu masa dahulu. Dalam perang salib, tentera Kristian menggunakan bahasa Frank.

Namun sekarang konsepnya sudah berubah dan tidak lagi boleh dikaitkan dengan konsep tadi.

Lingua Franca

- Bahasa Melayu pernah menjadi lingua franca selama beberapa abad pada suatu masa dahulu.
- Dari daerah Gujerat, India sehingga ke pantai Utara Australia,
- Dari Champa di Vietnam sehingga ke Banten di Jawa Barat.

ARAB

SEPANYOL

BELANDA

INDONESIA

ENGLAND

PORTUGAL

ITALI

PERANCIS

JEPUN

BAHASA PEMERSATU BANGSA

INDIA

CHINA



Lagu Gurindam Jiwa

Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Intai kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan

Anak cina memasang lukah
Lukah dipasang di Tanjung Jati
Di dalam hati tidak ku lupa
Bagaikan rambut bersimpul mati

Batang selasih permainan budak
Daun selasih dimakan kuda
Bercerai kasih talak tiada
Seribu tahun kembali juga

Burung merpati terbang seribu
Hinggap seekor di tengah laman
Hendak mati di hujung kuku
Hendak berkubur di tapak tangan

Kalau tuan mudik ke hulu
Carikan saya bunga kemboja
Kalau tuan mati dahulu
Nantikan saya di pintu syurga
Batang selasih permainan budak

DASAR BAHASA RASMI

- Bahasa yang digunakan bagi tujuan urusan kerajaan dan pentadbiran negara.
- Bahasa rasmi menjadi bahasa negara, bahasa pemerintah dan bahasa undang-undang.

Akta Pendidikan 1995, Fasal 17 (1)

- Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali di sekolah jenis kebangsaan yang ditentukan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.

DASAR PENGGUNAAN BAHASA

- Walaupun ada bahasa kebangsaan, tiada sesiapa pun boleh dilarang daripada menggunakan, belajar atau mengajar bahasa-bahasa lain.
- Perkara 152 Fasal (1) (a) dan (b) membenarkan pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa lain asalkan tidak dalam konteks kegunaan rasmi.

DASAR BAHASA DALAM PENDIDIKAN

Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar bagi semua sistem pendidikan formal peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.

- Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Laporan Kabinet 1971, Akta Pendidikan Kebangsaan 1995.

Perjuangan Mendaulatkan Bahasa Kebangsaan

- Pendaualatan bahasa melalui Perlembagaan dan Akta.
- Pendaualatan bahasa melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan.
- Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kerjasama serantau dan antarabangsa.

C.A. FERGUSON (1968)

- Bahasa yang tidak maju ialah bahasa yang tidak mempunyai sistem tulisan, dan tidak memiliki ciri standardisasi dan modenisasi.
- Bahasa moden ialah bahasa yang dapat menterjemahkan karya yang ditulis dalam bahasa-bahasa dunia yang maju.

PERANCANGAN BAHASA

- Tindakan yang membawa kepada perubahan dalam aspek-aspek penggunaan bahasa dan juga dalam bahasa itu sendiri, seperti yang dikehendaki oleh masyarakat.
- Perancangan bahasa :
 - Taraf bahasa
 - korpus bahasa (korpus ialah himpunan makalah mengenai sesuatu perkara untuk kajian)

E. HAUGEN (1959)

- Merangkumi usaha yang dijalankan oleh pertubuhan atau jawatankuasa tertentu, mencakupi segala usaha yang dijalankan oleh pertubuhan tersebut untuk PENYUBURAN bahasa dan melibatkan usaha pembinaan, pengubahsuaian dan PEMBAKUAN yang dilakukan terhadap sesuatu bahasa yang berkenaan.

MENDAULAT DAN MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU. PERANAN SIAPA?

PERANAN RAJA-RAJA MELAYU

7 WASIAT RAJA-RAJA MELAYU

Wasiat Raja-Raja Melayu dan Pemimpin-pemimpin yang diperbuat semasa merdeka pada tanggal 31 Ogos 1957.



7 perkara itu adalah:

PERTAMA Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung. **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** (sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA);



KEKUA

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu; selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, **TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga malar 50%, selebihnya kamu sebudah bersama-sama kaum lain;

KETIGA

Bagi merajag kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami telah tubuhkan **REJIMEN ASKAR MELAYU** selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

KEEMPAT

Kami kekalkan dan kami jalin Kerajaan dan Kedaulatan **RAJA-RAJA MELAYU** memerintah negara ini;

KELIMA

Kami isytiharkan **ISLAM** ialah Agama Persekutuan;

KEENAM

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**; dan

KETUJUH

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN**, (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

- Ditubuhkan pada 22 Jun 1956.
- Nama asalnya ialah Balai Pustaka. Pada bulan September 1956, namanya ditukar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Ordinan 1959, Pindaan 1978, Pindaan dan Peluasan 1995).

PERANAN DBP

- Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang.
- Memperkembang bakat sastera.
- Mencetak dan menerbitkan buku, majalah dan risalah lain dalam bahasa kebangsaan.
- Membaku ejaan dan sebutan dan membentuk istilah.
- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan secara meluas.

Datuk Dr. Hassan Ahmad

- Bahasa bukan sekadar soal tata bahasa, ejaan, istilah dan kamus; bahasa berkait dengan budaya, politik, keadaan sosial, ideologi, psikologi, sikap, hati dan jiwa manusia.
- Bahasa ialah alat pembangunan, penjana tamadun bangsa, bukan sekadar alat komunikasi sahaja.

Peranan Munsyi DBP

**Munsyi Dewan – Membantu DBP
Membudayakan Bahasa Kebangsaan**



PERANAN TOKOH BAHASA



NIK SAFIAH KARIM
Tokoh Bahasa

Prof Nik Safiah



Prof Asmah Omar

TOKOH BAHASA MELAYU

Za' Ba

TOKOH-TOKOH BAHASA MELAYU MODEN ZAMAN PRAMERDEKA

ABDULLAH BIN ABDUL KADIR MUNSYI
-Buku-Buku Tulisan Beliau
Syair Singapura Terbakar,
Hikayat Kalilah, dan Daminah
Kisah Perlayaran Abdullah,
Hikayat Abdullah,
Kisah Perlayaran Abdullah ke
Jeddah.


RAJA ALI HAJI
-Buku-Buku Tulisan Beliau
Kitab Bustanul Katibin,
Kitab Pengetahuan Bahasa,
Kitab Salasilah Melayu dan Bugis,
Tuhfat al-Nafis.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (Munsyi Abdullah) dan Raja Ali Haji



BAHASA PEMERSATU BANGSA

Prof Awang Sariyan



Prof Abdullah Hassan



Tokoh ilmuwan dan ahli bahasa bukan Melayu



Prof. Dr. Teo Kok
Seong (UKM)



Prof. Dr. Vejayaletchumy
Subramaniam (UPM)



Prof. Dr. Ramalingam
(UKM)



Alex Leong (Munsyi
Dewan)

- BAHASA MELAYU BUKAN SAHAJA MEMPERSATU BANGSA YANG TERDAPAT DI MALAYSIA SAHAJA MALAH MEMPERSATU BANGSA DI DUNIA JUGA.

PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU

- Ditubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada 2 Julai 1997.
- Matlamat : Menyelaraskan kegiatan pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.
- Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu di Beijing (2014), Jerman (2015), Di Frankfurt (2018)
- Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu
- Penubuhan MABBAM
- Penubuhan JKTBM
- Penubuhan UKM 18 Mei 1970 dengan misi memartabatkan bahasa Melayu

BAHASA PEMERSATU BANGSA



Perkembangan Bahasa Melayu di China

Setakat Ogos 2019, terdapat lebih daripada **10 universiti** dan kolej yang menawarkan jurusan bahasa Melayu untuk diploma, ijazah sarjana muda, sarjana termasuklah

- 1.Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS),
- 2.Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing (BFSU) ,
- 3.Universiti Komunikasi China (CUC),
- 4.Universiti Minzu Yunan,
- 5.Universiti Etnik-etnik Guangxi,
- 6.Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Tianjin,
- 7.Universiti Pengajian Antarabangsa Xi'an,
- 8.Universiti Kejuruteraan Maklumat Kampus Luoyang,
- 9.Kolej Perguruan Minjiang, dan
10. Kolej Pengajian Bahasa-bahasa Asing Hainan.

Universiti di Rusia

Penawaran Bahasa Melayu sebagai satu kursus

- Universiti Negara Moscow Lomonosow
- Universiti Negara St. Peterburg
- Institut Perhubungan Antarabangsa (di bawah Kementerian Luar Negara)
- Universiti Negara Leningrad
- Institut Timur Amali
- Institut Ketimuran

Universiti di England

- BM terdapat di peringkat sekolah menengah iaitu di School of Oriental and African Studies di Universiti London.
- Universiti Hull juga menawarkan Kursus Pengajian Melayu

Univerisiti di Australia

19 pusat pengajian tinggi menawarkan program bahasa Melayu

- Universiti Griffith
 - Universiti of New South Wales,
 - Universiti Sydney, Australian National Universiti,
 - Universiti Melbourne, dan Universiti La Trobe
 - Sekolah menengah di Australia juga menawarkan bahasa Melayu/Indonesia
- Prof. Adelaar

**PROF.DR ARNDT GRAF
DEKAN FAKULTI PENGAJIAN ASIA
UNIVERSITI GOETHE, FRANFURT.
PROF USM, PULAU PINANG (2007-2009)
PROF. ADJUNG DI HAMBURG (2004)**



**PROF. DR. JEROME
SEMUEL
TIMBALAN DEKAN
UNIVERSITI INALCO,
PERANCIS
DALAM BIDANG KAJIAN
BAHASA MELAYU DAN
INDONESIA**



BAHASA PEMERSATU BANGSA

Bahasa boleh pupus?

- Pakar bahasa dari Amerika, Micheal Krauss dalam esainya pada 1991, *The world's Languages in crisis* menegaskan 6,000 bahasa mampu pupus pada abad ke-21 dengan 50 peratus daripadanya tidak lagi dituturkan oleh generasi muda.
- Menurut Pertubuhan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), antara 1950 hingga 2010, sebanyak 230 bahasa pupus. Hari ini tiga daripada setiap bahasa yang dituturkan di dunia ini, memiliki kurang daripada 1,000 penutur manakala, setiap dua minggu bahasa pupus berikutan kematian penutur terakhirnya.

5 bahasa yang lenyap

1. Hunnic-Bahasa pertuturan Kaum Hun oleh orang nomad di Asia Tengah, Caucasus dan Eropah Timur
2. Dacia-Lenyap pada abad ke-6 atau ke-7. Antara bahasa orang Rom. Penduduk Dacia dan Moesia kini menggunakan bahasa Latin.
3. Meroitic-Merupakan bahasa tamadun Nubia lama di Kush, Sudan.
4. Harappan-Bahasa tamadun Lembah Indus, Timur Tengah, pernah digunakan lebih daripada lima juta orang.
5. Proto-Indo Eropah-Bahasa Inggeris, Rusia, Parsi, Benggali, Albania dan Kurdish merupakan antara bahasa yang mempunyai asal-usul daripada bahasa Proto-Indo- Eropah (PIE) yang telah dibina semula.

Bahasa Seletar di Johor diancam kepupusan

- Pensyarah Kanan Universiti Malaya, Dr Shamsul Rijal Yahaya menerusi perkongsian kajiannya mengenai semiotik sosial masyarakat Seletar menegaskan bahasa Seletar kini semakin terancam walaupun masyarakat itu masih ramai dan mudah ditemui di Johor.
- Bahasa Seletar itu berhadapan ancaman kepupusan berbanding bahasa masyarakat Orang Asli yang lain disebabkan ia kurang ditutur oleh penuturnya. Bahasa Orang Seletar itu mula terancam kerana mereka sendiri tidak bertutur menggunakan bahasa itu.

Shamsul Rijal dalam Bh

Isu bahasa

Dasar DBP

- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai 'pendakwah' bahasa lebih berkesan daripada menjadi 'polis' bahasa.
- Ketua Pengarahnya, Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran, berkata tugas pendakwah bahasa lebih berkesan dalam mengatasi kegagalan sesetengah pihak menguatkuasakan undang-undang mengenai penyalahgunaan bahasa di negara ini.



DBP diberi kuasa

- Pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 yang sedang diusahakan ketika ini, akan mengubah status DBP menjadi pihak berkuasa untuk bertindak terhadap kesalahan atau pengabaian bahasa Melayu.
- Ketua Pengarah DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abg Shokeran, berkata pindaan yang akan dicadangkan kepada kerajaan itu, akan memastikan teguran DBP mengenai isu bahasa perlu dipatuhi pihak yang membuat kesalahan.
- Perkara itu berbeza dengan situasi semasa, iaitu DBP hanya boleh bergerak sebagai 'badan dakwah bahasa', dan teguran diberikan tidak wajib dipatuhi pihak yang melakukan kesalahan.

- Mencadangkan pindaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 bagi menyokong pindaan Akta DBP 1959. Pindaan baharu ini akan menjadikan DBP sebagai “Badan Berkuasa Bahasa”.
- Antaranya penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam seperti nama tempat. Contohnya “Bangi Gateway”, atau sebelum ini “Bangsar South”, “One South Mall” dan lain-lain.

Pindaan Melibatkan Tiga Perkara Utama

1. Pemberian kuasa penguatkuasaan Bahasa Melayu dalam sektor yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan terutama Perkara 152(6) yang memperuntuk penggunaannya dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam.
2. Peruntukan yang membolehkan DBP mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat antarabangsa secara yang berasaskan undang-undang sah.
3. Membolehkan DBP menubuhkan perbadanan agar fungsi perniagaan agensi itu dapat digerakkan dengan lebih berkesan sekali gus menyumbang dalam aspek kewangan negara.

Cabaran?

Cabaran

- 1. Bahasa Inggeris-persaingan dengan bahasa Inggeris
- 2. Percampuran kod
- 3. Kerancuan bahasa
- 4. Persepsi- status
- 5. Dialek
- Dll.

APAKAH KESIMPULANNYA?

KESIMPULAN

- 1. Bahasa Melayu itu mempersatu bangsa Melayu dan bangsa Malaysia.
- 2. Peranan memartabatkan bahasa Melayu merupakan tanggungjawab semua.
- 3. Semua pihak perlu sentiasa yakin terhadap bahasa Melayu.
- 4. Bahasa Melayu merupakan bahasa berdaulat.
- 5. Bahasa Melayu perlu sentiasa diperkasa dan dimartabatkan.
- 6. Bahasa Melayu juga sebenarnya boleh 'kembali' menjadi bahasa dunia.